

BULETIN SUKAN

EDISI JUN 2024

KEJOHANAN WINSTREAK VOLLEYBALL INVITATION 2024

Sekalung tahniah dan syabas buat Muhammad Hafizuddin Mohd Halim, Fakulti Bahasa Moden & Komunikasi serta Sim Zi Qin, Sekolah Perniagaan Dan Ekonomi merupakan atlet Bola Tampar UPM yang mewakili pasukan Flying Falcon Malaysia di atas kejayaan menduduki tempat Keempat selepas tewas kepada pasukan Long My Construction daripada Taiwan menerusi penentuan tempat Ketiga dan Keempat di Kejohanan Winstreak Volleyball Invitation 2024, Taichung, Taiwan.



8TH SOUTHEAST ASIAN SQUASH CHAMPIONSHIPS

Atlet Skuasy UPM berjaya meraih Pingat Emas dalam 8th Southeast Asian Squash Championships yang telah berlangsung di Manila, Filipina pada 03 Jun 2024 sehingga 09 Jun 2024. Berikut merupakan senarai nama pemenang dan acara yang disertai:

Women's Individual dan Mixed Doubles [Emas]

1. Noor Ainaa Amani Ampandi
- Mixed Team [Emas]
2. Muhammad Hafiz Zhafril Abdul Harif
3. Duncan Lee Yung Yii



ASIAN UNIVERSITY WUSHU CHAMPIONSHIPS



Tan Cheong Min berjaya meraih Pingat Emas bagi Acara Women's Optional Nandao dalam Asian University Wushu Championships yang bertempat di Haerbin, China pada 19 hingga 22 Jun 2024.

LIGA HOKI SELANGOR 2024

Syabas buat pasukan Brothersticks UPM B atas kejayaan merangkul kejuaraan setelah berjaya menewaskan pasukan Magic Zone di Liga Hoki Selangor pada 1 Jun 2024 bertempat di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil.



KEJOHANAN MENEMBAK 10 METER IPT & JEMPUTAN KEBANGSAAN

Pasukan Menembak UPM telah membawa pulang 2 Emas dan 1 Gangsa semasa Kejohanan Menembak 10 meter IPT & Jemputan Kebangsaan yang berlangsung pada 28 Mei hingga 2 Jun 2024 bertempat di Lapang Sasar Menembak 10 meter, UPM, Sg. Besi. Berikut merupakan senarai pemenang:

1. Sharifah Noor Ellyna Syed Abdul Hamed: EMAS - Air Rifle Wanita Individu (rekod baharu kebangsaan)
2. Wan Muhamad Syafiq Wan Mustaza: EMAS - Air Pistol Lelaki Individu
3. Wan Muhamad Syafiq Wan Mustaza & Nurul Athirah Khairulzaman: GANGSA - Air Pistol Bebasukan Campuran



KL OPEN TRIPLES CHAMPIONSHIP 2024



Pasukan Boling Padang UPM atas kejayaan merangkul gelaran Champion Plate dalam Kejohanan KL Open Triples Championship 2024 yang bertempat di Kompleks Boling Padang, Bukit Kiara.

KEJOHANAN VARSITY INDOOR HOCKEY (VIH) 2024

Pasukan Hoki Lelaki dan Wanita UPM berjaya merangkul gelaran Johan dalam Kejohanan Varsity Indoor Hockey (VIH) 2024 yang bertempat di Kompleks Sukan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Perak. Untuk makluman, Pasukan Hoki Wanita UPM meraih gelaran Penjaring Terbanyak dan Penjaga Gol Terbaik manakala Pasukan Hoki Lelaki UPM juga meraih gelaran Penjaring Terbanyak dan Pemain Terbaik di kejohanan tersebut.



MAJLIS ANUGERAH SUKAN UPM KE-38, 2024

Majlis Anugerah Sukan UPM kali ke-38 telah menyaksikan Ruslem Zikry Putra Roseli sebagai olahragawan dan Nani Sahirah Maryata sebagai olahragawati Universiti Putra Malaysia (UPM). Nur Ain Ayuni Fozi dari sukan memanah telah dinobatkan sebagai Bintang Harapan Wanita dan Adeen Imann Putra bin Md Baharudin dari sukan Ragbi sebagai Bintang Harapan Lelaki. Majlis ini disempurnakan oleh Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Farhan Mohd Sadullah pada 21 Jun 2024 bertempat di Pusat Kebudayaan & Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, UPM.



MAJLIS PENUTUP KEJOHANAN SUKAN KOLEJ UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (SUKPRA) DAN KEJOHANAN AERODANCE

Telah berlangsung Majlis Penutup Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia pada 29 Jun 2024 bertempat di Pusat Kebudayaan & Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Kejohanan Aerodance telah berlangsung sebagai kejohanan terakhir bagi musim kali ini semasa majlis dijalankan. Kolej Tun Dr Ismail (KTDI) telah muncul sebagai juara Aerodance dan juara keseluruhan bagi SUKPRA sesi 2023/2024 kali ni.



KEJOHANAN SUKAN KOLEJ UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA SESI 2023/2024 SEMESTER 1

NO.	SUKAN	LELAKI	WANITA
1.	MERENTAS KAMPUS	K10	KTDI
2.	E-SPORTS PUBG	KTDI	KMB
3.	E-SPORTS MLBB	K12	KTDI
4.	BADMINTON	K14	KPZ
5.	SKUASY	KTDI	KTDI
6.	PING PONG	KOSASS	KMB
7.	FUTSAL	KOSASS	KPZ
8.	BOLA KERANJANG	KC	K10
9.	CATUR	K10	K14
10.	BOLA JARING		KC
11.	DODGEBALL	K10	K10
12.	TENPIN BOLING	KC	K12

KEJOHANAN SUKAN KOLEJ UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA SESI 2023/2024 SEMESTER 2

13.	RAGBI 15'S	KOSASS	
14.	RAGBI 10'S		KOSASS
15.	TENIS	KMB	KOSASS
16.	ROAD RELAY	K10	KTDI
17.	SOFBOL	K14	KTDI
18.	BOLA TAMPAR	K10	KC
19.	BOLA SEPAK	KPZ	
20.	SEPAK TAKRAW	KC	
21.	AERODANCE	KTDI	KTDI